

# SMS fitnah berleluasa pada muktamar Pas - Nik Aziz

UM - 6/6/2007

KOTA BHARU 5 Jun - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini mendedahkan mengenai wujudnya budaya penyebaran SMS (khidmat pesanan ringkas) fitnah pada pemilihan parti itu sempena Muktamar Tahunan Pas yang berakhir kelmarin.

Beliau yang jelas dukacita dengan senario tersebut menyifatkan pengirim SMS itu sebagai golongan saki-baki dalam Pas yang menurut hawa nafsu.

Katanya, mereka tidak menggunakan hidayah yang diberi Allah.

"SMS berkempen nak suruh undi orang itu dan orang ini pun saya tak suka. Apa, (mereka ingat) perwakilan tidak akil baligh sampai hendak kena ajar siapa yang hendak diundi?"

"Dah tu sesetengahnya (SMS) adalah fitnah, memburukkan orang tertentu. Saya tidak hendak sebut siapa (yang buat), tetapi saya amat dukacita dengan perkara ini.

"Kalau boleh elak guna SMS sama ada fitnah atau bukan fitnah. Para perwakilan dipilih daripada mereka yang matang, berpengalaman, jadi tak payah nak SMS, habis duit tak pasal-pasal, yang untung syarikat telekom," katanya.

Nik Abdul Aziz berkata demikian pada sidang akhbar di pejabatnya di Pejabat Pentadbiran Kerajaan Negeri Kota Darul Naim di sini hari ini.

## Kempen

Bagi mengelakkan kempen keterlaluan termasuk isu SMS fitnah pada pemilihan Pas yang akan datang, Menteri Besar Kelantan itu bersetuju dengan cadangan bekas Naib Presiden Pas, Datuk Dr. Hassan Ali supaya kaedah pemilihan melalui sistem syura dilaksanakan dalam parti itu.

"Saya secara peribadi bersetuju dengan cadangan beliau (Hassan) supaya kita dapat mengelakkan masalah ini. Syor penyelesaian secara syura sudah timbul ketika wujud krisis antara bekas Presiden Pas, Datuk Mohd. Asri Muda dan Datuk Mohammad Nasir.

"Eloklah... dengan syura ini kita mampu meredakan dan seterusnya mengelakkan sebarang masalah. Jiwa saya secara peribadi pun memang ke arah itu," jelasnya.

Hassan dalam ucapan penggulungan terakhirnya sebagai Naib Presiden Pas Ahad lalu mencadangkan supaya syura digunakan dalam menentukan kepimpinan parti itu.

Beliau bimbang dengan budaya berkempen keterlaluan yang berlaku dalam parti itu termasuk penyebaran begitu banyak SMS yang mengganggu fikiran termasuk ketika bersolat.